

SEGERA?

TUNDA SAHAJA

Pemegang saham minoriti perlu berhati-hati terhadap PLC yang mempunyai sejarah menunda-nunda pendedahan kerana ini tidak mencerminkan amalan tadbir urus korporat yang baik. PLC dan pengarah mereka perlu menegakkan prinsip pendedahan umum yang lengkap, adil dan tepat pada masanya untuk sebarang maklumat penting.

> **Tinjauan Mingguan MSWG AGM/EGM**
Muka 5

> **Pengumuman Khas**
Muka 11

Kelewatan 10 hari: Dilema Pendedahan Icon Offshore

Ketelusan dan ketepatan masa adalah elemen penting dalam pendedahan maklumat korporat. Pepatah yang menyatakan 'pandai makan, pandai simpan' tidak lagi relevan terutama dalam dunia yang dipacu teknologi terkini.

Baru-baru ini, Icon Offshore Berhad menerima kritikan daripada orang ramai berhubung cara mereka menangani insiden letupan maut yang berlaku di salah sebuah kapal pembekal platform (*platform supply vessel*, PSV) mereka. Syarikat yang merupakan penyedia perkhidmatan kapal sokongan luar pesisir, akhirnya memaklumkan tentang insiden tragis itu dalam satu pengumuman awam pada 12 Ogos 2024, 10 hari selepas kejadian itu berlaku.

Dalam pengumuman itu, Icon Offshore berkata kejadian itu berlaku pada 2 Ogos 2024 kira-kira pukul 10.30 malam di perairan Bintulu, Sarawak. Letupan yang berlaku di PSV Icon Amara meragut nyawa dua anak kapal manakala seorang lagi cedera parah.

Icon Offshore menjelaskan bahawa kelewatan dalam mengeluarkan butiran berhubung insiden ini adalah disebabkan kerjasamanya dengan pelanggan dan pihak berkuasa yang berkaitan bagi memastikan semua maklumat adalah tepat dan dikendalikan dengan sewajarnya.

Syarikat itu menambah, siasatan sedang dijalankan bagi menentukan punca kejadian. Namun begitu, Icon Offshore tidak menjangkakan insiden itu akan memberi kesan yang ketara terhadap keseluruhan operasi atau prestasi kewangannya dan kapal itu dijangka akan kembali beroperasi sebaik sahaja siasatan diselesaikan.

Mengapa berlaku kelewatan?

Hakikatnya, Icon Offshore mengambil masa lebih seminggu untuk mengeluarkan pengumuman itu dan perkara ini sukar diterima oleh sesetengah pelabur. Dalam era digital, timbul persoalan mengapa PLC itu memerlukan tempoh yang begitu lama untuk mengumpul maklumat dan data, hanya untuk mengeluarkan pernyataan ringkas sepanjang lima perenggan, tanpa butiran terperinci.

Kelewatan itu menimbulkan tanda tanya memandangkan insiden itu berlaku di Malaysia dan bukannya di kawasan pedalaman yang jauh atau tidak dapat diakses. Lagipun, insiden itu telah pun dilaporkan oleh beberapa media sebelum Icon Offshore mengeluarkan kenyataan rasmi mereka kepada Bursa Malaysia.

Kelewatan itu juga menimbulkan persoalan penting tentang tempoh dan kandungan pendedahan korporat. Sudah tentu sesebuah PLC tidak mahu pendedahan yang dibuat dilihat sebagai terlalu banyak atau terlalu sedikit.

Demi berlaku adil, kejadian letupan di atas PSV itu tidak termasuk dalam peristiwa penting yang memerlukan pendedahan segera seperti yang digariskan dalam Perenggan

9.19 Bab 9 – Pendedahan Berterusan, Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia. Proses untuk menentukan materialiti peristiwa seumpama ini boleh menjadi subjektif dan amat bergantung pada pertimbangan dan budi bicara lembaga pengarah dan pihak pengurusan.

Bagaimanapun, syarikat lain dalam industri yang sama telah menunjukkan tindak balas yang lebih pantas. Contohnya, pada Oktober 2020, Dayang Enterprise Holdings Berhad memfailkan kepada Bursa Malaysia pada hari yang sama bahawa salah sebuah kapalnya terlibat dalam insiden di luar pantai Miri. Walaupun ringkas, pengumuman itu memberikan jaminan kepada pelabur bahawa usaha menyelamatkan sedang dijalankan dan kapal itu, MV Dayang Topaz, berada dalam keadaan yang cukup baik untuk terus belayar di laut. Pendedahan yang segera ini membantu menepis khabar angin yang menyatakan kapal itu mengalami kerosakan teruk atau karam selepas berlanggar dengan pelantar minyak di luar pesisir akibat cuaca buruk.

Sektor lain juga menunjukkan tindakan segera dalam melaporkan insiden seperti kebakaran dan gangguan bekalan elektrik. Sebagai contoh, Tomypak Holdings Berhad yang tersenarai di Pasaran Utama, dengan segera memaklumkan bursa saham selepas berlaku kebakaran di kilang pembuatannya di Senai pada 19 Disember 2021, walaupun kejadian itu berlaku pada hari Ahad, iaitu bukan hari dagangan pasaran.

Pada hari berikutnya, Tomypak memberikan butiran lanjut, termasuk jumlah perlindungan insurans sehingga RM271 juta untuk kerosakan harta benda dan RM80 juta untuk gangguan perniagaan. Syarikat itu juga komited untuk menawarkan penilaian yang lebih tepat berhubung kerosakan dan kerugian sebaik sahaja mereka dapat mengakses premis itu.

Contoh ini menyerlahkan kepentingan pendedahan yang pantas bagi mengurus persepsi pasaran dan keyakinan pelabur, tanpa mengira sektor industri.

Pelanggaran syarat pendedahan

Kegagalan untuk memastikan pendedahan yang segera berhubung apa-apa maklumat material yang berdasarkan fakta, secara tepat dan teliti, adalah pelanggaran serius Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia.

Maklumat penting ialah sebarang fakta, peristiwa atau keadaan yang berkemungkinan memberi kesan kepada harga atau nilai saham syarikat, yang mempengaruhi aktiviti pasaran dalam persekitaran saham tersebut atau menjejaskan keputusan pelabur yang berkaitan strategi pelaburan mereka.

Dalam hal ini, Zen Tech International Berhad (dahulunya dikenali sebagai Inix Technologies Holdings Berhad) dan lapan pengarahnya telah ditegur secara terbuka oleh Bursa Malaysia pada 31 Julai 2024 kerana melanggar Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran ACE (*ACE Market Listing Requirements*, ACE LR), termasuk pelanggaran pendedahan COVID-

19. Selain teguran secara terbuka, pengendali bursa itu mengenakan denda berjumlah RM757,500 ke atas lapan pengarah tersebut.

Bursa Malaysia mendapati Zen Tech telah mengeluarkan pendedahan yang tidak jelas, tidak tepat dan mengelirukan berhubung usahanya dalam perniagaan pengedaran vaksin COVID-19. Syarikat itu mendakwa telah memohon pendaftaran untuk vaksin Sinovac, CanSino dan Sinopharm dengan Agensi Pengawalseliaan Farmaseutikal Kebangsaan (*National Pharmaceutical Regulatory Agency, NPRA*). Zen Tech juga menegaskan bahawa anak syarikatnya telah dilantik sebagai pengedar vaksin.

Hakikatnya, Zen Tech hanya membuat permohonan pengelasan produk untuk vaksin Sinovac dan Sinopharm, yang tidak sama langsung dengan pendaftaran rasmi untuk pengedaran vaksin. Tambahan pula, syarikat itu gagal memberikan bukti terdapat sebarang perjanjian pembekalan atau pengedaran untuk vaksin ini.

Syarikat yang menangguhkan pendedahan umum maklumat kritikal tanpa justifikasi yang sah akan menimbulkan kebimbangan tentang ketelusan. Pemegang saham minoriti perlu mengambil berat terhadap syarikat awam tersenarai (*public listed companies, PLC*) yang mempunyai sejarah melewati-lewatkan pendedahan, kerana perkara ini tidak mencerminkan amalan tadbir urus korporat yang baik.

Bab 9 Syarat-syarat Penyenaaraan Bursa Malaysia memperuntukkan kewajipan pendedahan secara berterusan yang mesti dipatuhi oleh PLC. PLC dan pengarah mereka perlu menegakkan prinsip pendedahan umum untuk maklumat material secara menyeluruh, adil dan tepat pada masanya.

Pendedahan Maklumat Kesihatan dan Keselamatan yang tidak Berkualiti

Insiden maut yang melibatkan Icon Offshore Berhad menggariskan kepentingan yang kritikal berhubung pendedahan maklumat Kesihatan dan Keselamatan (*Health & Safety, H&S*), iaitu satu daripada 11 Perkara Kemampanan Biasa di bawah Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan yang Dipertingkatkan (*Enhanced Sustainability Reporting Framework, ESRF*) Bursa Malaysia.

Di bawah ESRF, PLC dikehendaki mendedahkan metrik H&S utama seperti kematian berkaitan kerja, kadar berlakunya kejadian yang menyebabkan kehilangan masa serta bilangan pekerja yang dilatih mengikut piawaian H&S. Walaupun syarikat-syarikat ini mematuhi syarat pelaporan, namun kualiti pendedahan kurang memuaskan.

Maklumat penting sering tidak dinyatakan seperti punca kejadian, bagaimana ia berlaku serta langkah kawalan yang dilaksanakan bagi mencegah kejadian yang serupa.

Persekitaran kerja yang positif dan bertenaga, yang bersandarkan faktor keselamatan dan kesihatan, boleh memotivasikan pekerja untuk mencapai tujuan yang sama serta meningkatkan produktiviti dan semangat secara keseluruhan. Persekitaran kerja

seumpama ini memupuk prestasi yang cemerlang, seterusnya menyumbang kepada kejayaan syarikat dalam jangka panjang.

Seiring dengan pembentangan rangka kerja itu, kami berharap dapat melihat pendedahan H&S yang lebih komprehensif dan bermakna daripada PLC, yang memberikan pandangan lebih mendalam bukan sahaja yang berkaitan prestasi kewangan malahan tindakan dan strategi bagi memastikan tempat kerja yang lebih selamat.

A positive and vibrant work environment, built on a foundation of safety and health, can motivate employees, foster a sense of purpose, and improve overall productivity and morale. Such an environment enables performance excellence and contributes to a company's long-term success.

As the framework unfolds, we hope to see more comprehensive and meaningful H&S disclosures from PLCs, providing deeper insights into not just the numbers, but the actions and strategies to ensure a safer workplace.

Tinjauan Mingguan MSWG AGM/EGM untuk tempoh 19 – 23 Ogos 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
19.08.24 (Isnin) 10.30 pagi	V.S. Industry Berhad (EGM)	Syarikat mencadangkan terbitan bonus waran pada asas satu Waran C bagi setiap 10 saham sedia ada yang dipegang. Cadangan terbitan bonus waran ini bertujuan memberikan ganjaran kepada pemegang saham atas sokongan berterusan mereka.
21.08.24 (Rabu) 10.00 pagi	AMMB Holdings Berhad (AGM)	<p>AMMB merekodkan caj rosot nilai bersih yang lebih tinggi untuk tahun kewangan 2024 berjumlah RM769.7 juta (tahun kewangan 2023: RM466.9 juta) disebabkan oleh salah satu caj yang berjumlah RM440.2 juta diiktiraf pada suku ketiga tahun kewangan 2024, yang merangkumi rosot nilai kredit tambahan yang bertindan sebanyak RM328.2 juta serta rosot nilai ke atas aset bukan kewangan sebanyak RM111.9 juta. Syarikat juga mengiktiraf peruntukan yang tidak berulang sebanyak RM80 juta iaitu perbelanjaan penyusunan semula pada suku ketiga tahun kewangan 2024, menghasilkan jumlah caj yang tidak berulang sebanyak RM520.2 juta pada tahun kewangan 2024.</p> <p>Namun begitu, syarikat mengiktiraf manfaat cukai berjumlah RM538.2 juta. Kesemua ini menyumbang peningkatan keseluruhan sebanyak 9.3% dalam keuntungan bersih kepada RM1.87 bilion (tahun kewangan 2023: RM1.71 bilion).</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
22.08.24 (Khamis) 11.00 pagi	EUPE Corporation Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2024, EUPE mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 68.4% kepada RM340.2 juta, berbanding RM202.0 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Pendapatan yang lebih tinggi ini diterjemahkan kepada keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM57.8 juta, iaitu peningkatan 55.8% daripada RM37.1 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Selaras dengan keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi, perolehan sesaham (<i>earnings per share</i>, EPS) meningkat kepada 27.57 sen daripada 20.41 sen pada tahun kewangan 2023.</p>
23.08.24 (Jumaat) 10.00 pagi	SDS Group Berhad (AGM)	<p>SDS mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 14.2% kepada RM324.1 juta pada tahun kewangan 2024 apabila pendapatan segmen borong dan segmen runcit mencapai pertumbuhan dua angka.</p> <p>Sementara itu, keuntungan sebelum cukai meningkat 32% terutamanya disumbangkan oleh peningkatan dalam pendapatan serta margin keuntungan kasar yang semakin baik, daripada 31.5% pada tahun kewangan 2023 kepada 34.0% pada tahun kewangan 2024. Ini disokong lagi oleh kenaikan harga jualan serta penstabilan harga bahan mentah.</p>
23.08.24 (Jumaat) 10.00 pagi	Greatech Technology Berhad	<p>Greatech mencadangkan terbitan bonus sebanyak 1.25 bilion saham baharu pada asas 1:1. Terbitan bonus ini dijangka selesai pada suku ketiga tahun kewangan 2024.</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
24.08.24 (Sabtu) 09.30 pagi	Tiong Nam Logistics Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan mencapai rekod tertinggi RM758.6 juta pada tahun kewangan 2024, meningkat 4.5% daripada RM725.7 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Pertumbuhan itu sebahagian besarnya didorong oleh kekuatan yang mampan dalam perkhidmatan logistik dan pergudangan serta sumbangan yang ketara daripada pembangunan hartanah.</p> <p>Keuntungan sebelum cukai melonjak sebanyak 72.0% kepada RM67.9 juta pada tahun kewangan 2024, terutamanya disumbangkan oleh keuntungan nilai saksama daripada beberapa aset pergudangan dalam segmen perkhidmatan logistik dan pergudangan, mencerminkan permintaan yang semakin meningkat serta peningkatan nilai infrastruktur logistik.</p>

Perkara Penting:

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan
AMMB Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Selepas kejayaan memuktamadkan Strategi Fokus 8 (tahun kewangan 2021 hingga tahun kewangan 2024), AMMB mengorak langkah dengan Winning Together (WT29), pelan tindakan lima tahun (tahun kewangan 2025 hingga tahun kewangan 2029) yang merangkumi satu Tujuan, dua Misi, tiga Tonggak Strategi (<i>Strategy Pillars, SP</i>) dan tiga Matlamat Kewangan (Halaman 19, Laporan Tahunan Bersepadu 2024).</p> <p>a) Pendigitalan ialah SP pertama yang diperkenalkan dalam WT29. Apakah peranan pendigitalan dalam merealisasikan matlamat kewangan dan operasi WT29?</p> <p>Sila huraikan tentang program, teknologi yang akan digunakan, hasil yang diharapkan, keutamaan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang serta sumber yang diperuntukkan contohnya sumber kewangan, keupayaan dan kepakaran, bagi menjayakan pelaksanaan SP ini.</p> <p>b) Pelancaran WT29 memerlukan penglibatan aktif daripada Perbankan Borong, Perbankan Runcit (<i>Retail Banking, RB</i>), Perbankan Perniagaan, Perbankan Pelaburan dan Perbankan Islam.</p> <p>Apakah peranan setiap segmen perbankan di atas ke arah merealisasikan WT29 menjelang tahun kewangan 2029? Apakah pula sasaran jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang yang ditetapkan untuk setiap segmen perbankan itu?</p> <p>c) AMMB menetapkan tiga Matlamat Kewangan di bawah WT29 iaitu Meningkatkan Pembayaran Dividen, Menurunkan nisbah kos kepada pendapatan (<i>cost to income, CTI</i>) kepada 40% dan Meningkatkan pulangan aset (<i>return on assets, ROA</i>) kepada 1.1%.</p> <p>i) Nisbah pembayaran dividen semasa berada pada kadar 40%. Apakah nisbah pembayaran dividen yang ingin dicapai oleh Kumpulan menjelang akhir tahun kewangan 2029?</p>

	<p>ii) Setakat tahun kewangan 2024, nisbah CTI AMMB kekal stabil pada kadar 44.2%, sedikit rendah berbanding 44.3% pada tahun kewangan 2023 dan 44.9% pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Memandangkan pelaburan yang dirancang ke dalam inisiatif pendigitalan ini serta peningkatan kos yang sejajar dengan inflasi, apakah tunjang utama untuk mencapai CTI sebanyak 40%? Apakah unjuran kadar pertumbuhan pendapatan dan kadar pengurangan kos (dalam peratusan) untuk mencapai matlamat ini?</p> <p>2. AMMB menutup tirai tahun kewangan 2024 dengan peningkatan 9.3% dalam keuntungan bersih kepada RM1.87 bilion daripada RM1.7 bilion sebelum ini, manakala pendapatan bersih meningkat sedikit kepada RM4.6 bilion berbanding RM4.58 bilion setahun sebelumnya.</p> <p>a) Pendapatan faedah bersih (<i>net interest income, NII</i>) merosot 6.7% tahun ke tahun kepada RM3.3 bilion disebabkan oleh perbelanjaan faedah yang tinggi, mengakibatkan penurunan 28 mata asas dalam margin faedah bersih (<i>net interest margin, NIM</i>) kepada 1.79%.</p> <p>Tinjauan industri menunjukkan NIM yang stabil dengan kadar dasar semalaman (<i>overnight policy rate, OPR</i>) berkemungkinan kekal tidak berubah pada 3% sepanjang 2024. Pernyataan ini mencadangkan prospek persaingan deposit semakin berkurangan (Halaman 69, Laporan Tahunan Bersepadu 2024).</p> <p>Apakah panduan dan pandangan pengurusan terhadap NIM pada tahun kewangan 2025? Bagaimanakah keadaannya setakat ini dan adakah syarikat meramalkan sebarang perubahan pada dinamik persaingan deposit untuk tahun ini yang masih berbaki?</p> <p>b) Sebaliknya, Kumpulan mencatatkan pertumbuhan keseluruhan sebanyak 3% dalam pinjaman pada tahun kewangan 2024, lebih rendah daripada purata pertumbuhan pinjaman industri sebanyak 5.3% untuk 2023, terutamanya disebabkan oleh</p>
--	--

	<p>pertumbuhan pinjaman RB yang agak perlahan sebanyak 2.3% tahun ke tahun.</p> <p>RB juga mencatatkan rosot nilai bersih yang lebih tinggi berjumlah RM642.4 juta berbanding RM301.1 juta, yang mengakibatkan penurunan sebanyak 69.3% dalam keuntungan bersih segmen kepada RM125.7 juta.</p> <p>Termasuk dalam rosot nilai ialah tambahan sebanyak RM261.6 juta rosot nilai kredit yang bertindan yang diiktiraf pada suku ketiga tahun kewangan 2024, terutamanya berpunca daripada gadaai janji dan PKS runcit.</p> <p>(Sumber: Halaman 44 dan 91, Laporan Tahunan Bersepadu 2024)</p> <p>i) Bagaimanakah prestasi RB pada tahun kewangan 2025 dari segi pertumbuhan pinjaman dan keuntungan? Sila nyatakan pertumbuhan pinjaman yang disasarkan untuk Kumpulan pada tahun kewangan 2025.</p> <p>ii) Melihat rosot nilai yang ketara yang dibuat ke atas buku pinjaman RB, apakah keadaan semasa kualiti aset RB? Adakah kuantum rosot nilai yang serupa diperlukan dalam tempoh terdekat?</p>
<p>EUPE Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>1. Perancangan Kumpulan yang diperluaskan untuk lima projek utama akan menyumbang kepada keuntungan Kumpulan pada tahun hadapan (Halaman 6, Laporan Tahunan).</p> <p>a) Sila berikan nama lima projek utama yang akan menyumbang kepada pendapatan Kumpulan pada tahun hadapan, mengikut Nilai Pembangunan Kasar masing-masing.</p> <p>b) Sila berikan kadar pengambilan terkini untuk setiap lima projek utama ini pada Julai 2024.</p> <p>c) Adakah Kumpulan menjangkakan pendapatan dan keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2025 berbanding tahun kewangan 2024? Jika ya, sila berikan sebabnya.</p>

	<p>2. Hartanah pelaburan Kumpulan mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM1.1 juta pada tahun kewangan 2024 berbanding keuntungan sebelum cukai berjumlah RM8.4 juta yang dilaporkan pada tahun kewangan 2023. (Halaman 13, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Mengapakah hartanah pelaburan Kumpulan mencatatkan kerugian pada tahun kewangan 2024 berbanding keuntungan pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan bagi memastikan kerugian daripada hartanah pelaburan dapat dikurangkan pada tahun kewangan 2025?</p> <p>c) Apakah kadar penghunian untuk hartanah pelaburan Kumpulan yang dikategorikan mengikut jenis pada tahun kewangan 2024 dan 2023?</p>
<p>SDS Group Berhad (AGM)</p>	<p>Dalam jawapan kepada soalan 2(a) MSWG pada AGM tahun lepas, SDS menyebut bahawa mereka menyasarkan untuk membuka enam cawangan di wilayah Tengah pada tahun kewangan 2024. Bagaimanapun, Kumpulan berjaya membuka hanya dua cawangan baharu iaitu di Puncak Jalil dan Putrajaya.</p> <p>a) Apakah cabaran dan isu yang dihadapi oleh Kumpulan apabila membuka cawangan baharu di wilayah Tengah?</p> <p>b) Berapakah purata jualan untuk setiap cawangan di Wilayah Tengah berbanding di Selatan?</p> <p>c) Berapakah cawangan baharu yang dirancang untuk dibuka oleh Kumpulan pada tahun kewangan 2025? Berapakah daripada jumlah ini terletak di wilayah Tengah?</p> <p>d) SDS mempunyai program keahlian untuk kedai makanan dan minumannya. Berapakah jumlah keahlian Kumpulan pada masa ini? Apakah langkah yang diambil untuk menambah bilangan ahli?</p>
<p>Tiong Nam Logistics Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>1. Memandangkan trend perniagaan kian mengutamakan logistik yang cekap, permintaan untuk penyelesaian logistik bersepadu juga turut meningkat. Rantai bekalan yang semakin rumit memerlukan rangkaian</p>

	<p>perdagangan dan pengedaran yang maju, yang mana Tiong Nam berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan trend ini. (Halaman 6, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Bagaimanakah Tiong Nam boleh memanfaatkan trend ini dan apakah kelebihan daya saing yang dimilikinya berbanding syarikat lain dalam segmen industri yang sama?</p> <p>b) Sejauh manakah Kumpulan menerima pakai teknologi dan automasi bagi meningkatkan kecekapan serta keberkesanan operasinya?</p> <p>2. Sepanjang lima tahun kewangan yang lalu, Syarikat hanya mengisytiharkan dividen sekali sahaja iaitu pada tahun kewangan 2022 walaupun mencatatkan keuntungan setiap tahun. (Halaman 3, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Mengapakah Syarikat tidak mengisytiharkan dividen dengan lebih kerap bagi memberikan ganjaran kepada pemegang saham mereka, terutamanya dalam dua tahun kewangan terkini yang menyaksikan Kumpulan mencatatkan keuntungan yang besar serta mempunyai aliran tunai operasi yang cukup baik?</p>
--	---



FORUM
for Minority
Shareholders

UNDERSTANDING MPHB PRIVATISATION

MPHB Capital Berhad (MPHB) has recently announced a proposed selective capital reduction and repayment exercise (Proposed SCR), offering RM1.70 per share for the privatisation of the company by its major shareholder.

In response to numerous concerns and requests from minority shareholders, the Minority Shareholders Watch Group (MSWG) will organise a forum to provide a comprehensive overview and clarification of the Proposed SCR and the upcoming independent advice letter.

The date and venue of the forum will be announced soon.

Please stay tuned for our updates.



CLIMATE GOVERNANCE MALAYSIA

NATIONAL CLIMATE GOVERNANCE SUMMIT 2024

More than 80 speakers, 13 workshops and 7 masterclasses. Free and open to the public.

TUESDAY 10 SEPT - THURSDAY 12 SEPT 2024 | HYBRID EVENT | [REGISTER HERE](#)



ORGANISED BY

MSWG

SEPTEMBER 2024

NACGSA

NATIONAL CORPORATE GOVERNANCE &
SUSTAINABILITY AWARDS 2024

DISCLOSURE OF INTERESTS

With regard to the companies mentioned, MSWG holds a minimum number of shares in all the companies covered in this newsletter.

DISCLAIMER

This newsletter and the contents thereof and all rights relating thereto including all copyright is owned by the Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, also known as the Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

The contents and the opinions expressed in this newsletter are based on information in the public domain and are intended to provide the user with general information and for reference only. Best efforts have been made to ensure that the information contained in this newsletter is accurate and current as at the date of publication. However, MSWG makes no express or implied warranty as to the accuracy or completeness of any such information and opinions contained in this newsletter. No information in this newsletter is intended to be or should be construed as a recommendation to buy or sell or an invitation to subscribe for any, of the subject securities, related investments or other financial instruments thereof.

MSWG must be acknowledged for any part of this newsletter which is reproduced.

MSWG bears no responsibility or liability for any reliance on any information or comments appearing herein or for reproduction of the same by third parties. All readers or investors are advised to obtain legal or other professional advice before taking any action based on this newsletter.